

Propaganda British Menentang Jepun di Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945)

British Propaganda Against Japan in Malaya During the Second World War (1941-1945)

AL-AMRIL OTHMAN*, FAKHRUSY SYAKIRIN ZAHARI & MUHAMMAD AMIRUL AIMAN HARMIZAN

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

Corresponding author: amril@ukm.edu.my

Received: 01 August 2025 Accepted: 06 November 2025

Abstrak

Propaganda merupakan suatu usaha pihak bertelagah menjejaskan kepentingan musuh. Ia berfungsi mempengaruhi khalayak untuk tidak menyokong lawan tanpa mengira fakta yang dikemukakan benar atau sebaliknya. Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan fenomena ini menerusi bentuk propaganda yang digunakan. Dalam hal ini, British dan Jepun merupakan kuasa-kuasa tentera yang bersaing bagi merebut pengaruh di Asia Tenggara, khususnya Tanah Melayu. Kekalahan awal British di tangan Jepun telah memaksa mereka untuk melakukan tindakan propaganda bagi memulihkan semula imejnya. Makalah ini bertujuan membincangkan propaganda British dalam usahanya menentang Jepun di Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Antara bentuk propaganda yang digunakan bagi tujuan ini termasuklah menerusi tayangan filem, ucapan awam, akhbar, poster, risalah, mata wang, gambar dan siaran radio. Bentuk-bentuk propaganda ini akan diteliti menerusi dokumen Arkib Negara Malaysia yang terdiri daripada laporan Pejabat Kolonial (CO), minit mesyuarat, surat-menyurat dan laporan Jabatan Publisiti dan Pencetakan serta koleksi peribadi. Di samping itu, keratan akhbar pula dapat diakses menerusi laman sesawang SG News di Perpustakaan Nasional Singapura. Manakala makalah jurnal, buku dan tesis pula diperolehi di Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pelengkapannya. Makalah ini seterusnya mendapati bahawa orang awam yang agak terpengaruh dengan propaganda Jepun mulai mengubah pendirian mereka. Ini membuktikan keberkesanan British dalam mengubah pendirian orang awam menerusi propaganda mereka. Namun begitu, impak positif ini hanyalah bersifat jangka pendek semata-mata kerana tercalarnya imej British di tangan Jepun telah membuka mata masyarakat tempatan untuk lebih yakin dalam menyuarakan hasrat mereka untuk menuntut kemerdekaan menerusi penubuhan parti-parti politik kemudiannya.

Kata kunci: Propaganda; British; Jepun; Tanah Melayu; Perang Dunia Kedua

Abstract

Propaganda is an effort by the conflicting parties to undermine the interests of their opponent. It functions to influence the audience not to support them regardless of whether the facts presented are true or otherwise. The Second World War has shown this phenomenon through the forms of propaganda used. In this case, the British and Japanese were military powers competing for influence

in Southeast Asia, especially Malaya. The early defeat of the British at the Japanese hands forced them to carry out propaganda actions to restore their image. This paper aims to discuss British propaganda in its efforts to oppose Japan in Malaya during the Second World War. Among the forms of propaganda used for this purpose include through film screenings, public speeches, newspapers, posters, pamphlets, currency, photographs and radio broadcasts. These forms of propaganda will be examined through documents from the National Archives of Malaysia consisting of Colonial Office (CO) reports, meeting minutes, correspondence and reports from the Publicity and Printing Department as well as personal collections. In addition, newspaper clippings can also be accessed through the SG News website at the National Library of Singapore. Meanwhile, journal articles, books and theses were obtained from the Tun Sri Lanang Library and the Centre for the Study of History, Politics and International Affairs, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia as a complement. This paper further found that the public who were somewhat influenced by Japanese propaganda began to change their stance. This proved the effectiveness of the British in changing the stance of the public through their propaganda. However, this positive impact was only short-term because the tarnishing of the British image at the hands of the Japanese opened the eyes of the local community to be more confident in voicing their desire to demand independence through the establishment of political parties later.

Keywords: Propaganda; British; Japan; Malaya; Second World War

Pengenalan

Propaganda merupakan sesuatu perkara yang disampaikan oleh sesuatu pihak bagi mendapatkan sokongan dan mempengaruhi seseorang atau masyarakat. Menurut Aslah Akmal, propaganda merupakan satu dakyah, ideologi atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi kumpulan masyarakat awam di sesuatu tempat. Ia disebarkan oleh pihak tertentu bagi mendapatkan sokongan walaupun kebenarannya boleh diragui. Propaganda tidak sahaja berfungsi melumpuhkan musuh, tetapi juga turut dapat memulihkan semula imej pihak yang melaksanakan propaganda balas agar kembali meraih sokongan moral yang seterusnya membantu menewaskan musuh sepenuhnya.

Kekalahan British di Tanah Melayu pada tahap awal Perang Dunia Kedua telah mencemarkan imej mereka. Kejayaan Jepun menguasai Tanah Melayu disebabkan beberapa faktor yang meliputi kekuatan tentera Jepun dan kelemahan pertahanan British.¹ British juga tidak menjangkakan bahawa Jepun akan menggunakan serangan udara dari utara. Tanah Melayu pada ketika itu hanya mempunyai lima batalion angkatan darat setelah Jepun berjaya menumpaskan askar udara British.

Propaganda Jepun juga membantu mereka dalam mendapatkan sokongan penduduk tempatan melalui slogan “Asia untuk Asia” dan “Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya” yang melambangkan Jepun sebagai pemimpin negara Asia.² Jepun juga menyebarkan propaganda dalam bentuk risalah tentang keburukan British melalui kapal terbang yang melambangkan penindasan British terhadap orang Melayu dan tentera India yang digelar British sebagai “Iblis Putih”.³

Menyedari hakikat ini, British telah melakukan tindakan propaganda balas bagi memulihkan imejnya di Tanah Melayu. Mereka telah menggunakan orang Melayu dari India dan Ceylon serta bantuan dari *Malaya People Anti Japanese Army* (MPAJA) untuk membantu menentang Jepun.⁴ Selain daripada peperangan bersenjata, British turut melancarkan peperangan psikologi atau perang saraf melalui propaganda untuk melemahkan kedudukan Jepun dan mendapatkan semula sokongan masyarakat tempatan kepada British. Ia juga masih diteruskan selepas pendudukan Jepun bagi menghapuskan pengaruh mereka yang masih wujud di Tanah Melayu.

Dalam usaha menjayakan tindakan propaganda dengan berkesan, ia mestilah dipastikan bergerak melalui penguasaan minda masyarakat yang berfungsi untuk mempengaruhi mereka supaya terus membantu British dengan pelbagai cara. Ia juga menjadi strategi penting dalam peperangan yang membolehkan masyarakat berpaling tadah terhadap musuh mereka. Langkah ini seterusnya diharap dapat memulihkan imej mereka setelah tercalar akibat kekalahan awal menentang Jepun.

Pernyataan Masalah

Meskipun British telah pun mempunyai suatu mekanisme yang agak sistematik dalam pengurusan gerak saraf dan propaganda, terutama ketika menghadapi peperangan, namun ia tidak semestinya dapat menjamin bahawa mekanisme tersebut akan sentiasa relevan seiring dengan perkembangan bidang gerak saraf dan propaganda waktu itu. Tenggelmnya dua buah kapal diraja British bernama HMS Repulse dan HMS Prince of Wales telah membuktikan hakikat ini. Serangan Jepun ke atas Pangkalan tentera Amerika Syarikat di Pearl Harbour, Hawaii merupakan satu lagi insiden yang telah menjejaskan aspek moral dan kedudukan tentera British secara langsung. Kekalahan mereka di tangan Jepun setelah kejatuhan Singapura telah benar-benar mencemarkan imej mereka. Ketiga-tiga insiden ini dengan sendirinya memperlihatkan wujudnya kelemahan British dalam menguruskan perisikan dan propaganda mereka dalam menghadapi kemaraan Jepun. Keadaan ini dirumitkan lagi oleh kurangnya maklumat terkini yang dapat diperolehi mereka akibat sekatan Jepun.

Bagaimanapun, British secara beransur-ansur dapat menangani kelemahan tersebut dengan melakukan penyusunan semula terhadap Jabatan Penerangan yang kemudiannya diletakkan di bawah Jabatan Publisiti dan Pencetakan. Menerusi jabatan ini, semua urusan tentang gerak saraf dan propaganda diselaraskan secara sistematik bagi menghadapi Jepun. Ini merupakan suatu usaha kritikal mereka bagi menyangkal propaganda Jepun. Permasalahannya terletak pada persoalan tentang sejauh manakah jabatan ini mampu menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dalam memulihkan imej British yang telah tercemar, sama ada dalam kalangan pegawai mereka sendiri mahupun masyarakat awam di Tanah Melayu. Justeru, makalah ini akan menumpukan perbincangannya kepada usaha British dalam rangka menyangkal propaganda Jepun sehingga British dapat memulihkan keyakinan masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Perbincangan tentang propaganda British semasa Perang Dunia Kedua jarang disentuh oleh sarjana dalam penulisan yang sedia ada sebelum ini.

Metodologi

Penelitian makalah ini akan ditumpukan kepada perbincangan mengenai bagaimana British dapat memanfaatkan bentuk-bentuk propaganda mereka dalam usaha menentang Jepun di Tanah Melayu ketika Perang Dunia Kedua. Kekalahan British telah memaksa mereka bertindak memulihkan imej mereka. Ini dilakukan menerusi tindakan propaganda balas terhadap Jepun. Antara bentuk-bentuk propaganda tersebut adalah penyiaran radio, pengucapan awam, tayangan filem, mata wang, risalah, akhbar dan poster. Penelitian terhadap bentuk-bentuk propaganda ini adalah berdasarkan kepada sumber-sumber primer di Arkib Negara Malaysia serta Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahan-bahan primer terdiri daripada laporan Pejabat Kolonial (CO) di samping surat-surat, minit mesyuarat serta laporan bulanan yang dikemukakan Jabatan Publisiti dan Pencetakan. Keratan akhbar dan koleksi peribadi pula diperolehi di SG News Perpustakaan Nasional Singapura. Penulisan ini turut disokong oleh sumber-sumber sekunder yang terdiri daripada makalah jurnal, tesis dan buku di Pusat Kajian sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM yang relevan dengan makalah ini untuk rujukan pembaca.

Propaganda Awal British di Tanah Melayu Sehingga Perang Dunia Kedua

Rekod-rekod sejarah mencatatkan bahawa British telah menggunakan propaganda balas bagi menewaskan musuh mereka sejak Perang Dunia Pertama lagi.⁵ Pembabitan Jerman dan Turkeye dalam peperangan itu telah memaksa mereka berbuat demikian. Apabila perang ini tamat, ia masih diteruskan bagi menangani fahaman komunis, khususnya pada dekad-dekad 1930-an.

Semasa Perang Dunia Kedua tercetus di Eropah pada tahun 1939, British mula bimbang terhadap ancaman yang wujud di kawasan sekitar Asia Tenggara dan Asia Timur. Ancaman ini termasuklah ancaman propaganda Jepun di Tanah Melayu, terutama menerusi akhbar. Ancaman tersebut menyebabkan British mula menguatkuasakan undang-undang berkaitan akhbar untuk membendung dan menyekat pengaruh Jepun di Tanah Melayu.⁶ Kebimbangan ini juga tercetus disebabkan wujudnya peluasan kuasa Jepun yang menguasai beberapa kawasan wilayah di China. British cuba untuk memberikan amaran terhadap masyarakat tempatan mengenai ancaman ini bagi mendapatkan sokongan mereka. British telah menubuhkan satu Jabatan Penerangan yang berfungsi untuk melaksanakan tugas-tugas berkaitan penerangan termasuklah menyebarkan keadaan peperangan di Eropah, memberi peringatan kepada masyarakat di Tanah Melayu mengenai ancaman yang akan berlaku. Wartawan daripada akhbar *The Straits Times* bernama *G.L. Peet* telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Penerangan. Beliau telah berjaya mengawal saluran berita antara akhbar dan agensi kerajaan termasuk perkhidmatan tentera. Ia menyebabkan kenyataan akhbar yang dibuat perlu merujuk kepada Jabatan Penerangan. Berita mengenai peperangan di Eropah juga disiarkan melalui akhbar dan radio. Pada 11 September 1939, *British Malaya Broadcasting Corporation* (BMBC) telah membuat penyiaran berita dalam pelbagai bahasa untuk memudahkan proses memberi maklumat atau propaganda kepada masyarakat di Tanah Melayu.⁷

Jabatan penerangan juga menyediakan pelbagai bahan untuk dihebahkan melalui akhbar dan radio oleh BMBC.⁸ Hebahan ini termasuklah dalam bahasa Hokkien, Cantonese, Tamil dan Hindustan. Jabatan ini juga memberikan arahan kepada agensi kerajaan untuk menyebarkan kesedaran terhadap ancaman peperangan yang bakal muncul kepada penduduk Tanah Melayu. Jabatan Penerangan turut mengeluarkan satu risalah mengenai kepentingan pertanian kepada orang ramai. Risalah tersebut bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tempatan untuk berjimat dalam perbelanjaan. Pihak British juga telah melantik pengawal makanan bagi memastikan makanan mencukupi sekiranya tercetusnya peperangan di Tanah Melayu. Akhbar-akhbar juga dicetak menggunakan tulisan jawi untuk mendapatkan sokongan daripada orang Melayu.

Peranan Jabatan Penerangan telah dikembangkan dengan penubuhan Kementerian Penerangan dan mempunyai bahagian dikenali sebagai *Empire Divison*. Bahagian ini turut dikawal oleh biro seperti *Far Eastern Bureau* untuk menguruskan propaganda British di kawasan sekitar Asia Tenggara dan Asia Timur. Ibu Pejabat telah dioperasikan dan terletak di Singapura. *Empire Divison* ditugaskan untuk melaksanakan propaganda dan membalas propaganda musuh. Masalah dalaman yang wujud dalam *Far Eastern Bureau* menyebabkan kementerian ini tidak dapat bergerak dengan lancar kerana pelbagai masalah seperti upah pekerja dan pengurusan. Menjelang tahun 1940, Singapura mempunyai dua jabatan propaganda iaitu satu khusus di Tanah Melayu dan satu lagi di Asia Tenggara dan kawasan Timur. Pada tahun itu juga, satu Jabatan Penerangan dan Seranta atau *Department of Information and Publicity* telah ditubuhkan. Penubuhan ini disebabkan tugas bidang Jabatan Penerangan yang sedia ada terlalu khusus. Ditambah lagi, Peet yang merupakan seorang wartawan biasa dan tidak mendapatkan kepercayaan pegawai kerajaan lain kerana jabatan ini bergerak secara rahsia. British juga memerlukan pegawai yang mempunyai hubungan dengan orang Cina kerana ingin mendapatkan sokongan mereka dalam menentang peluasan kuasa Jepun. Matlamat jabatan yang sama membolehkan penerbitan risalah atau poster saling bertukar idea dalam

mewujudkan propaganda yang lebih berkesan.⁹

Struktur organisasi Jabatan Penerangan dan Serantau tidak jauh berbeza dengan Jabatan Penerangan sebelum ini. Tugas jabatan ini juga semakin meluas setelah mendapat sokongan daripada kerajaan British. Jabatan ini mempunyai dua bahagian iaitu Penerangan dan Seranta. Antara propaganda yang disebarkan termasuklah Kempen Menanam Makanan Sendiri yang disebarkan kepada Persatuan Melayu dan Cina melalui papan-papan kenyataan, akhbar, majalah, lawatan van, terbitan am dan pameran umum. Jabatan Penerangan dan Seranta juga mempunyai hubungan dengan Kementerian Penerangan di London, Singapura (*Far Eastern Bureau*) dan Delhi. Hubungan ini membantu Jabatan untuk mendapatkan maklumat propaganda di luar negara. Jabatan ini juga menyiarkan Buletin Harian di radio dan Telegraf dalam pelbagai bahasa dengan mengedarkan risalah di seluruh Tanah Melayu. Penyebaran propaganda ini juga bagi memastikan imej ketenteraan British dapat dijaga. Jabatan ini juga menyebarkan propaganda Jerman yang merampas tanah dan mendakwa pentadbiran British di Tanah Melayu adalah bukan paksaan kerana ia dibuat melalui perjanjian. Jabatan ini turut memberikan risalah terhadap tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku serangan, propaganda tentera British turut dipaparkan bagi menunjukkan British mempunyai kekuatan tentera yang mencukupi. Pencetak Poster yang memburukkan Jerman dan Hitler diedarkan bagi memburukkan pihak lawan dan meraih simpati daripada masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Usaha propaganda ini menunjukkan propaganda menjadi alat peperangan yang kuat dan berkesan kepada British untuk meraih sokongan.¹⁰

Jabatan Penerangan dan Seranta juga menggunakan bahasa Melayu dalam menyebarkan propaganda. Terdapat Siaran radio dalam bahasa Melayu yang pertama telah disampaikan dari London pada bulan Disember 1940. Pada bulan Mei 1941 pula siaran dalam bahasa Melayu disampaikan setiap malam melalui *British Broadcasting Corporation* (BBC). Siaran juga menggunakan bahasa Cina untuk mendapatkan sokongan daripada orang Cina. Bagi memperkukuhkan British Malayan Broadcastin Corporation BMBC, BBC telah memberikan bantuan kepada BMBC untuk membina siaran radio di Singapura. Radio menjadi alat penting dalam membuat siaran kepada penduduk di Tanah Melayu atau orang tempatan yang tinggal di luar negara seperti di Indonesia dan Indo-China. British juga menganggap sokongan masyarakat penting dalam Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun Jabatan Penerangan dan Seranta tidak dapat bertahan lama apabila tentera Jepun telah melancarkan serangan di Tanah Melayu pada Disember 1941. Kegagalan strategi tentera British yang menjangkakan serangan Jepun dari laut menyebabkan strategi Jepun menggunakan jalan darat di kawasan utara telah berjaya menyerang dan menawan Tanah Melayu serta menguasai Singapura dalam tempoh yang singkat. Kekalahan British telah memalukan mereka kerana Singapura merupakan kubu terkuat British dan mempunyai kepentingan yang besar terhadap mereka.¹¹

Bentuk-bentuk propaganda British menentang Jepun

Umumnya, British telah menggunakan dua cara bagi memastikan mesej propaganda mereka dapat sampai kepada khalayak masyarakat tempatan sekali gus menjejaskan kepentingan musuh. Cara pertama adalah menerusi propaganda bahan bercetak yang terdiri daripada akhbar, risalah, mata wang dan poster. Manakala cara kedua pula adalah menerusi propaganda audiovisual yang terdiri daripada siaran radio, ucapan awam dan tayangan filem.

Propaganda Melalui Bahan Percetakan

Akhbar

Akhbar merupakan salah satu medium penyampaian berita yang mudah di dapati oleh seluruh penduduk tempatan di Tanah Melayu. Akhbar mudah diperolehi melalui kedai-kedai runcit dan mampu didapati oleh seluruh golongan termasuklah golongan kaya, sederhana dan miskin kerana harganya yang jauh lebih murah berbanding radio. Akhbar juga pernah digunakan oleh British untuk menyampaikan propaganda semasa Perang Dunia Pertama lagi dan masih digunakan dalam Perang Dunia Kedua. Antara akhbar yang terdapat di Tanah Melayu semasa era ini termasuklah *Straits Times*, *Malaya Tribune*, *Malay Mail*, *Chinese Paper*, *Tamil Nesan*, *Punjabi Newspaper*, *Jananayakam (Tamil)*, *Straits Echo*, *Tamil Paper*, *Malay Paper*, *Chinese Paper* dan *Malayan Daily News*. Kilang kertas yang dibina oleh Jepun juga diambil alih oleh British untuk mendapatkan stok bagi tujuan pencetakan surat khabar menyebarkan propaganda.¹²

Bagi mengawal berita dan propaganda melalui akhbar British telah membuat pemantauan terhadap akhbar vernakular di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.¹³ Akhbar tempatan juga perlu berhubung dengan BMA melalui jabatan dan organisasi ketenteraan sebelum akhbar mereka boleh dikeluarkan dan diluluskan untuk orang awam. BMA juga membekalkan gambar untuk diterbitkan kepada akhbar tempatan yang terpilih. Bagi akhbar tempatan yang tidak mengikuti syarat BMA akan diharamkan terbitannya.¹⁴ Semasa Perang Dunia Kedua tercetus, *Malaya Tribune* telah mengeluarkan akhbar mengenai perang propaganda di Tanah Melayu pada tahun 1940. Akhbar tersebut menekankan keperluan menyampaikan cita-cita British bagi menarik minat masyarakat tempatan menyokong mereka. Akhbar tersebut juga menjelaskan dasar British dan isu-isu yang berlaku dalam perang.¹⁵

Pada 8 Disember 1941, akhbar menjadi sumber berita penting kepada British untuk menyebarkan propaganda kerajaan semasa berperang dengan Jepun. Perkara ini disebabkan masyarakat tempatan tidak mengetahui berita sejak serangan Jepun di Tanah Melayu. British juga telah menyembunyikan kekalahan mereka ke atas Jepun melalui akhbar dengan hanya menyarkan sebahagian sahaja insiden pemboman Singapura dalam usaha menutup kelemahan mereka. Penduduk hanya mengetahui kekalahan British terhadap Jepun di Kelantan melalui komunikasi tentera yang dikeluarkan oleh ibu pejabat pada 8 Disember 1941. Kebanyakan syarikat akhbar juga tidak mempunyai maklumat yang cukup mengenai pencerobohan Jepun. Perkara ini telah mendorong berlakunya penyebaran banyak berita palsu kerana tiada pengesahan laporan mengenai pendaratan musuh. Menurut laporan wartawan British dari *British United Press* pada 15 Januari 1942 melalui *British Broadcasting Corporation* (BBC), berita mengenai penyembelihan askar Jepun oleh Barisan Hadapan Malayan adalah sukar dipercayai kerana tiada kewujudan tentera dalam jarak tersebut. Ketiadaan berita sahih menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat dan meningkatkan khabar angin.¹⁶

Semasa pendudukan Jepun, akhbar-akhbar dalam bahasa Inggeris seperti *Straits Times* telah diambil alih oleh Jepun pada 20 Februari 1942 dan digantikan dengan *Shonan Times*. Akhbar ini kemudian telah ditukar nama kepada *Shonan Shimbun* pada 8 Disember 1943.¹⁷ Suratkhbar Shonan Shimbun yang berjudul “*False Propaganda British in Malaya*” menerangkan mengenai propaganda palsu British tentang kekuatan sebenar pasukan pejuang mereka di Tanah Melayu selepas kekalahan kepada Jepun pada tahun 1942. Jepun juga mendakwa kekuatan tentera British tidak mampu untuk mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan luar.¹⁸ Semasa pentadbiran Jepun, propaganda British disebarkan melalui akhbar bawah tanah yang dibawa oleh MPAJA dalam pelbagai bahasa. Tujuan berita tersebut disebarkan untuk membidas propaganda daripada Jepun. Antara akhbar tersebut termasuklah *North Malaya Front*, *Voice of Malaya*, *Suara Rakyat*, *Voice of Freedom*, *Anti-Japanese*

News, Popular News, Berita Anti-Jepun, Mass News, Conquer Japan, Resistance Reconstruction, Victories Voice, Conquer Japan dan *People News*. Akhbar-akhbar ini menyebarkan berita kekejaman Jepun dalam pentadbiran dan menggalakkan kerjasama antara kaum.¹⁹ Tujuan akhbar-akhbar ini diedarkan supaya dapat mempengaruhi masyarakat untuk menentang pentadbiran Jepun.

British juga sangat menjaga kualiti dan nilai berita propaganda. Kekurangan maklumat menyebabkan kesukaran kepada British untuk menyampaikan maklumat dalam berita. Bagi menambahkan maklumat, British telah mendapatkan maklumat daripada M.O.I atau Kementerian Maklumat untuk mencipta artikel akhbar dalam kuantiti yang banyak.²⁰ Perkara ini bagi memastikan propaganda British dibuat berdasarkan fakta tepat bagi menjaga nilai propaganda supaya penduduk tempatan lebih mempercayai suratkhbar daripada pihak British. Berita yang disampaikan melalui surat khabar ada kalanya benar dan ada kalanya hanyalah satu propaganda. Antara isu yang sering diceritakan dalam surat khabar semasa dan selepas pendudukan Jepun ialah peristiwa dunia, berita perang seperti kemenangan pihak bersekutu, politik seperti dasar British terhadap Jepun dan China serta *Malayan Union*, isu-isu bekalan makanan, isu ekonomi, perkhidmatan sosial termasuklah propaganda kesihatan-masalah kesihatan merosot semasa zaman Jepun, isu-isu imigresen, perdagangan dan perindustrian serta isu am seperti perbandingan pentadbiran BMA dan Sipil.²¹

Akhbar juga menjadi medium penting kepada British untuk menyampaikan maklumat dan propaganda terhadap masyarakat di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun. British juga telah mengeluarkan kenyataanakhbar berkaitan isu barangan, kawalan harga barangan dan tindakan tegas terhadap pesalah yang menentang pentadbiran BMA. Akhbar '*Straits Time*' yang berjudul '*Boxed*' misalnya menceritakan mengenai penangkapan terhadap peniaga rokok di pasar gelap.²² Berita daripada *The Malay Mail* pada 6 September 1945 pula menyampaikan mesej raja Britain kepada penduduk Tanah Melayu yang dikatakan ingin melindungi penduduk Tanah Melayu dan bersyukur terhadap kemenangan British di dalam peperangan.²³

Dalam usaha menyebarkan propaganda tentang kekejaman Jepun, kebanyakan akhbar telah memuatkan insiden landasan kereta api di Kra sebagai bahan liputannya. Beberapa akhbar dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Cina telah dicetak untuk menggambarkan kekejaman Jepun.²⁴ Menerusi *Kuala Lumpur Press* pada 30 Disember 1946 misalnya, British telah menyampaikan kenyataan akhbar mengenai kekejaman pentadbiran Jepun di landasan kereta api Kra. Dalam akhbar tersebut, terdapat banyak insiden yang berlaku seperti Insiden 24 yang menceritakan mengenai kejadian di Hospital Krabury pada tahun 1944, seorang buruh mengalami kesakitan kerana terpaksa minum air parit namun Jepun mengatakan buruh tersebut minum arak dalam kuantiti yang banyak namun ia telah dinafikan. Penafian itu menyebabkan buruh tersebut telah dipukul oleh tentera Jepun dan meninggal dunia beberapa hari kemudian.

Terdapat juga Insiden 25 yang berlaku pada tahun 1944, di mana Stesen *Chumporn* telah dibom. Beberapa orang Jepun yang cedera telah diselamatkan oleh orang Jepun namun seorang pemuda Cina yang mengalami luka parah hanya dibiarkan di situ sahaja sehingga meninggal dunia. Insiden 26 pula menceritakan mengenai seorang wanita India bersama suaminya pada awal tahun 1945. Dalam insiden ini, wanita tersebut meminta bantuan daripada penyelia Jepun untuk membantu suaminya yang sakit namun telah diabaikan untuk tempoh yang lama sehingga meninggal dunia. Insiden 27 pula menceritakan mengenai tindakan Jepun pada Mac 1944 yang mengikat seorang lelaki India kerana dituduh mencuri baju hujan. Lelaki tersebut dibiarkan selama dua hari tanpa makan dan minum.²⁵ Perkara ini menunjukkan British menyebarkan berita yang menggambarkan kekejaman Jepun bagi meningkatkan sokongan masyarakat terhadap pentadbiran British dan untuk membuat dakwaan terhadap Jepun kerana terlibat dalam jenayah perang.

Semasa zaman pentadbiran BMA juga, kekurangan berita rasmi telah menyebabkan BMA membina papan kenyataan yang menyediakan akhbar dalam bahasa-bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Cina di setiap bandar dan kampung. Tujuan papan kenyataan tersebut dibina untuk tatapan umum masyarakat tempatan mengenai berita dan propaganda British. Pembinaan papan kenyataan ini diuruskan oleh *Senior Civil Affairs Officer* (S.C.A.O) bagi menyediakan papan kenyataan, menyediakan surat khabar dan kos penyelenggaraan serta mengagihkan bahan propaganda tersebut di kawasan kampung.²⁶ British turut mengeluarkan surat khabar BMA dalam pelbagai bahasa yang memasukkan sedikit sebanyak propaganda British dalam setiap edisi pencetakannya.²⁷ Surat Khabar Berita Edisi Pertama juga diserahkan kepada penghulu untuk diedarkan kepada penduduk kampung di kawasan masing-masing.²⁸ Surat khabar juga menjadi alat penting kepada British untuk menentang propaganda yang mengandungi unsur anti-BMA atau ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran BMA.²⁹ Jelasnya, akhbar yang dikelolakan British telah dimanfaatkan mereka secara optimum demi kepentingan propaganda mereka. Pengedarannya yang agak meluas, baik di kampung mahupun di bandar telah sekitar sebanyak mulai mempengaruhi perubahan sikap orang ramai bagi memberikan kepercayaan kepada mereka selepas kekalahan Jepun.

Propaganda Menerusi Risalah, Poster, Gambar Dan Mata Wang

Risalah merupakan bahan percetakan yang biasa diedarkan oleh sesuatu pihak untuk menyampaikan maklumat mengenai sesuatu kepada orang awam. Percetakan risalah dan poster diuruskan oleh Jabatan Percetakan dan Publisiti. Risalah British diedarkan melalui darat atau udara dengan menggugurkan risalah daripada pesawat *Royal Air Force* (RAF).³⁰ Orang ramai juga ingin mengetahui peristiwa sepanjang tiga tahun setengah keadaan peperangan yang menyebabkan wujudnya permintaan terhadap bahan percetakan. British juga mengalami masalah kekurangan bahan untuk memenuhi permintaan tersebut. Perkara ini menyebabkan Pusat Maklumat (*Information Centre*) mula ditubuhkan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk menyediakan maklumat walaupun mengalami permasalahan untuk menyediakan stok yang cukup. Pusat maklumat ini juga dibuka di setiap ibu pejabat *kawasan*.³¹

Terdapat pelbagai risalah dan poster yang disebarkan oleh British semasa dan selepas pendudukan Jepun. Ia mempunyai idea propaganda yang berbeza namun matlamatnya adalah sama bagi mempengaruhi masyarakat tempatan untuk menyokong British. Pada Februari 1945, British telah mengedarkan risalah “*Warning*” dalam bentuk amaran yang dijatuhkan di pusat populasi di Tanah Melayu. Ia dicetak dalam empat bahasa iaitu Inggeris, Melayu (Jawi), Cina dan Tamil. Risalah ini sebagai amaran British kembali untuk memusnahkan Jepun dan memberi peringatan kepada masyarakat untuk mengelakkan kerjasama atau memberikan bantuan kepada Jepun dan membantu British menentang Jepun.³² Dalam bulan yang sama terdapat juga risalah “Selamat Sejetera Kawan Tiap Bangsa di negeri Melayu!” yang digugurkan melalui pasukan RAF 160 di Tanah Melayu. Risalah menceritakan mengenai khabar baik pendudukan semula pihak Bersekutu di Filipina oleh Perancis dan Belgium. ia juga memberitahu mengenai kemenangan pihak Bersekutu dan kekalahan Jerman. Jepun akan turut mengalami nasib yang sama seperti Jerman.³³

Dalam risalah “*Voice of Malaya*” yang disebarkan pada 10 April 1945 pula, terdapat pelbagai perkara yang ditekankan antaranya seperti serangan udara Bersekutu akan dipergiatkan, penawanan *Kubu Iwajima* oleh U.S di *Nansei Shotto*, penawanan semula *Mandalay*, Russia menembusi Austria, pembunuhan ketua Jabatan Pertanian, *Sakiwuto*, kemaraan pihak sekutu yang mengancam *Rhine Hamburg /Munich* dan Penyerahan ahli I.N.A kepada tentera anti-Jepun juga turut disebarkan.³⁴ Pada bulan Mei 1945, terdapat risalah “Budak2 (sic) negeri Burma Bersukaria Semula”. Risalah ini dijatuhkan di Tanah Melayu untuk membuat pengumuman mengenai Tentera Bersekutu yang berjaya menawan Rangoon di Burma dan meminta masyarakat di Tanah Melayu untuk bersabar kerana giliran

mereka akan tiba nanti.³⁵ Selain itu, Risalah “*The Free Press*” yang disebar di Ulu Pahang pada 25 Ogos 1945 pula melaporkan tentang kekalahan Jepun kepada red army dan menyeru sokongan terhadap masyarakat untuk menyokong pihak Bersekutu supaya dapat mengekalkan keamanan, mengamalkan politik demokrasi Melayu, mengekalkan parti politik anti-Jepun, kebebasan bersuara, mengembalikan standard kehidupan dan penggunaan sistem pendidikan bahasa kebangsaan.³⁶

Risalah berkaitan penyerahan diri Jepun juga digugurkan di sekitar Kem Pow Changi, Singapura pada 28 Ogos 1945 yang berjudul “*To All Allied Prisoner Of War*”. Risalah tersebut memberitahu bahawa tentera Jepun telah menyerah diri tanpa syarat dan perang telah berakhir. Dalam risalah tersebut, British akan membantu sekutunya dalam perang dan akan membawa mereka keluar daripada kem tersebut dengan syarat mereka tinggal di kem sehingga mendapat pesanan daripada British. Mereka juga diminta oleh British untuk menyenaraikan kakitangan dan keperluan yang mendesak.

Terdapat juga risalah “*The Ten Rules Enacted Temporarily To Keep Local Peace and Order*” yang diedarkan pada September 1945. Ia memberitahu mengenai peraturan yang perlu diikuti oleh penduduk tempatan bagi mengekalkan keamanan dan kedamaian di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun. Peraturan tersebut menyatakan bahawa peraturan Jepun tidak lagi diguna pakai, menggalakkan kerjasama penduduk pelbagai kaum, melarang menyebarkan berita palsu, keadilan dalam perniagaan, melarang perjudian, mencuri dan menembak serta mengingatkan untuk mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh British.³⁷ Risalah ini disebar semasa operasi *Pontoon* dilaksanakan.³⁸ British turut menyebarkan risalah yang berjudul “*Aims of The BMA*” yang berkaitan tujuan dan dasar BMA di Tanah Melayu dalam pelbagai bahasa bagi menunjukkan matlamat British kembali semula ke Tanah Melayu.³⁹

Risalah mata wang Jepun turut disebar oleh British bagi melemahkan kedudukan Jepun terutamanya dalam sektor ekonomi di Tanah Melayu. Antara risalah tersebut seperti risalah “Wang Jepun akan mati bersama-sama Jepun” yang diselitkan bersama nota di bahagian belakang mengenai wang Jepun tidak lagi laku dan wang Malaya British boleh digunakan semula.⁴⁰ Selain daripada pencetakan risalah dan poster berkaitan mata wang, British turut mencetak mata wang Jepun semasa dan selepas pendudukan Jepun. Pencetakan mata wang Jepun ini bagi menunjukkan bahawa pentadbiran Jepun bakal berakhir nanti.⁴¹ Pencetakan mata wang ini juga dibantu oleh Force 136 bagi mencetak mata wang dalam kuantiti yang banyak.⁴² Proses pencetakan mata wang Jepun telah dioperasikan di kilang kertas yang ditinggalkan oleh Jepun secara meluas.⁴³ Pencetakan mata wang ini dapat melemahkan mata wang Jepun Malaya dan memperkukuhkan semula mata wang British di Tanah Melayu.

Propaganda British terhadap mata wang Jepun Malaya melalui risalah dan pencetakan wang juga telah menjejaskan nilai mata wang Jepun Malaya. Pencetakan mata wang ini telah meningkatkan inflasi di Tanah Melayu disebabkan pulangan yang berkurangan ke atas nilai mata wang yang dicetak. Perkara ini menyebabkan berlakunya kemerosotan yang teruk terhadap mata wang Jepun. Ia menyebabkan mata wang Jepun tidak dapat diterima untuk urusan jual beli.⁴⁴ Menurut laporan lapangan, pencetakan mata wang Jepun telah menunjukkan kemerosotan yang sangat serius. Ia menjejaskan jualan makanan dan mata wang Jepun tidak lagi diterima kerana tidak mempunyai nilai pada 13 Ogos 1945. Ia juga menyebabkan British terpaksa mengeluarkan dana besar bagi menyumbang semula peruntukan untuk perbelanjaan penduduk tempatan. Mata Wang British Malaya kemudian menjadi satu-satunya mata wang yang masih mempunyai kuasa jual beli.⁴⁵

Kemerosotan nilai mata wang Jepun Malaya dipengaruhi oleh pengeluarannya yang berlebihan berbanding pengeluaran barangan. Perkara ni menyebabkan mata wang Jepun Malaya tidak lagi mempunyai nilai. Ditambah lagi masalah peperangan menjejaskan hasil eksport dan import di Tanah Melayu sehingga pengeluaran barangan menjadi terbatas. Pencetakan wang yang berlebihan

menyebabkan harga barangan mula mengalami peningkatan dan ia meningkat dengan lebih teruk pada penghujung era pentadbiran Jepun. Harga makanan pada permulaan zaman pentadbiran Jepun mencatatkan nilai terendah iaitu sekitar 1 sen sehingga 50 sen. Ia mula mengalami peningkatan pada tahun 1945 misalnya harga pisang sebanyak \$3 dan harga kopi sebanyak \$5.⁴⁶ Kemerosotan mata wang Jepun Malaya dapat dilihat menerusi Jadual di bawah:

Jadual 1: Skala Kemerosotan Nilai Mata Wang Jepun Malaya semasa Pendudukan Jepun Berbanding dengan \$100

Draf Undang-Undang		Skala Semakan Pertama		Skala Semakan Kedua	
Februari 1942	100	Februari 1942	100	Februari 1942	100
April 1942	100	April 1942	100	April 1942	100
Mei 1942	103	Mei 1942	100	Mei 1942	100
Disember 1942	150	Disember 1942	100	Disember 1942	100
Januari 1943	170	Januari 1943	100	Januari 1943	105
Jun 1943	375	Jun 1943	100	Jun 1943	224
Julai 1943	425	Julai 1943	110	Julai 1943	254
Januari 1944	760	Januari 1944	220	Januari 1944	455
Julai 1944	1,700	Julai 1944	450	Julai 1944	1,010
Januari 1945	3,600	Januari 1945	900	Januari 1945	2,000
1 Ogos 1945	15,500	1 Ogos 1945	5,000	1 Ogos 1945	10,300
12 Ogos 1945	105,000	12 Ogos 1945	90,000	12 Ogos 1945	95,000
13 Ogos 1945	Tiada Nilai	13 Ogos 1945	Tiada Nilai	13 Ogos 1945	Tiada Nilai

Sumber: Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, 1998: hlm 332.

Propaganda menerusi risalah dan poster mengenai kempen “*Grow More Food*” pula telah disediakan oleh Jabatan Pertanian untuk diserahkan kepada Jabatan Publisiti dan Percetakan. Risalah yang disebarkan ini adalah berbentuk sementara kerana kempen pengeluaran makanan sedang dibangunkan oleh Lembaga Pengeluaran Makanan (*Food Production Board*). Kos pengeluaran Risalah Propaganda ini ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan Publisiti dan Percetakan sementara Jabatan Pertanian mencari autoriti kewangan untuk tujuan percetakan risalah tersebut.⁴⁷ Selain daripada risalah kempen, British turut menyebarkan risalah propaganda mengenai beras dan situasi makanan. Ia dicetak dalam bahasa Inggeris dan semua bahasa Vernakular untuk diedarkan ke seluruh Tanah Melayu melalui *Senior Civil Affairs Officer*.⁴⁸

Selain daripada risalah dan poster mengenai kempen “*Grow More Food*”, British turut mengeluarkan beberapa poster sepanjang bulan Disember 1945 mengenai isu-isu ekonomi seperti Kempen Jimat Air. Dua jenis poster berwarna telah dicetak dan diedarkan di kedai kopi, restoran, sekolah, dobi dan sebagainya. Walau bagaimanapun kempen ini hanya dihadkan di Singapura sa-

haja. Selain itu, poster mengenai Kempen Berjimat dan Anti Pasaran gelap (*Anti-Black Market*) turut diedarkan melalui poster berwarna. Beberapa risalah dan poster berkaitan kempen ini telah dicetak dalam pelbagai bahasa antaranya seperti risalah berjudul “*A Sick World*” (Cina), “*Dollar Doubts*” dan “*New Democracy*” (insiden di Kuala Pilah).⁴⁹ Selain itu, terdapat juga beberapa poster yang diedarkan seperti poster “*Food is Scarce*”, “*Rice is Scarce*” dan “*Your Future Food Depends on You*”.⁵⁰

Pada bulan Januari 1946, British telah mencetak pelbagai poster dan risalah untuk disebar kepada orang ramai. Antara poster yang disebar termasuklah “*Good Will Arrive Will Fall*”, “*Malaya Future is Yours*”, “*Food is Scarce in Every Country*”, “*Rice is Scarce Grow More Vegetables*”, “*You Work Hard To Earn*”, “*Don't Buy Now*”, “*Two Ways of Doing Things*”, “*People Who Sell/Buy in The Black Market*”, “*Post Office Saving Bank*”, “*Malaya Welfare Fund*”, “*Take Your Change in Stamps*” dan “*Britain Part in World War II*”. Bagi risalah pula antara tajuk yang diedarkan termasuklah “*How To Prepare Dehydrated Vegetables*” dan “*What Vegetable Growers Should Know*”.⁵¹ Tujuan risalah dan poster ini disebar bagi memastikan masyarakat tempatan dapat meningkatkan tanaman, mengelakkan pembaziran, memburukkan pentadbiran Jepun yang terdahulu dan menarik masyarakat untuk menyokong pentadbiran BMA.

Terdapat juga penyebaran gambar fotografi kepada masyarakat tempatan untuk memberikan gambaran visual terhadap tindakan British sebelum dan selepas perang. Antara gambar yang diedarkan termasuklah gambar berkaitan penyampaian medal kepada ketua pasukan gerakan gerila oleh Lord Louis Mountbatten,⁵² gambar Louis Mountbatten yang membuat pemeriksaan terhadap pasukan Naval, gambar perbicaraan Jenayah Perang Jepun yang pertama, gambar pengeboman Col. Lim Bo Seng, gambar Brig McKerron dan General Dempsey yang melawat pameran foto perang, gambar parti kanak-kanak yang diberikan oleh Infantri ringan Durham kedua, gambar hospital Tank Took Seng dan Upacara Thaipusam. Pameran gambar turut diadakan di Victoria memorial Hall, di Singapura dan di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Seremban, Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Pulau Pinang dan Alor Star.⁵³

Jelasnya, risalah, poster, gambar dan mata wang merupakan medium propaganda yang efektif dimanfaatkan British bagi menyampaikan mesej mereka kepada orang ramai di Tanah Melayu sebagai golongan sasaran setelah kekalahan Jepun. Perutusan mesejnya yang ringkas menerusi medium-medium itu akan menjadikan lebih mudah menangkap imiginasi orang awam lebih-lebih lagi apabila ia digugurkan dari udara bagi menarik perhatian mereka. Kefahaman orang ramai terhadap mesej yang disampaikan pemerintah adalah kunci utama bagi membolehkan pihak kerajaan melanjutkan hubungan sehingga dapat meyakinkan mereka untuk menerima semula ketibaan British di Tanah Melayu.

Propaganda Menerusi Audiovisual

Propaganda Melalui Penyiaran, Radio Dan Ucapan Awam

Penyiaran (*Broadcasting*) dan radio merupakan salah satu alat komunikasi yang terpenting kepada British untuk menyampaikan berita semasa Perang Dunia Kedua. Sebelum pendudukan Jepun lagi, British telah menggunakan siaran radio untuk menyebarkan propaganda balas terhadap Jepun dan sekutunya semasa Perang Dunia Kedua. Penyebaran propaganda ini melalui BMBC bermula dari tahun 1940-1941 dalam pelbagai bahasa termasuklah Bahasa-bahasa Melayu, Inggeris dan Cina. Siaran radio ini bagaimanapun tidak dapat beroperasi selepas Tanah Melayu dikuasai Jepun.⁵⁴ Sepanjang pentadbirannya, Jepun telah mengawal siaran radio di Tanah Melayu dan menghalang siaran radio dari luar serta memantau bahan penyiaran daripada British, Amerika dan Australia.⁵⁵

Bagi negeri Selangor siaran radio telah ditukar kepada penyiaran radio tempatan sahaja dan pemiliknya perlu membuat bayaran penukaran siaran ini. Di negeri-negeri seperti Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak, kesemua set siaran telah diserahkan kepada Jepun. Perak dan Melaka dikecualikan apabila set siaran tersebut dikembalikan kepada pemiliknya selepas diubah oleh Jepun.⁵⁶ Jepun juga telah mengubah dasar terhadap siaran radio yang hanya membenarkan siaran radio tempatan dan menghalang gelombang pendek daripada pemancar pihak bersekutu. Jepun juga telah mengubah pemancar radio sepenuhnya dan peralatan bagi memancarkan gelombang pendek juga tidak tersedia. Jepun juga telah membuang semua set selepas menyerah diri dan kembalinya semula British ke Tanah Melayu.⁵⁷ Jepun menyekat siaran radio bagi menghalang propaganda British disebarkan kepada penduduk tempatan kerana radio satu-satunya cara menghalang kemasukan propaganda British.⁵⁸ Walau bagaimanapun siaran radio Jepun di Tanah Melayu menjadi sumber laporan dan maklumat kepada British untuk mengetahui perkembangan di Tanah Melayu semasa pentadbiran Jepun.⁵⁹

Apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, British telah menguasai semula siaran radio. Siaran radio pasca perang lebih tertumpu kepada usaha British untuk menyebarkan berita yang berlaku dalam tempoh tiga tahun setengah pentadbiran Jepun kepada orang ramai untuk menyebarkan maklumat dan propaganda mereka.⁶⁰ Stesen penyiaran radio telah diserahkan kepada Pentadbiran Tentera British (BMA) untuk diambil alih sepenuhnya.⁶¹ BMA turut memulangkan semula set radio swasta yang telah dirampas oleh Jepun melalui skim insurans kepada syarikat penyiaran. Skim tersebut juga dapat membantu British untuk menyebarkan berita sebagai propaganda dengan cepat melalui kerjasama daripada stesen radio swasta bagi mendidik semula orang awam terhadap undang-undang dan peraturan British.⁶² Ibu pejabat Deputy Chief Civil Affairs Officer (D.C.C.A.O) jugaturut mengadakan satu sidang akhbar pada setiap pagi Sabtu untuk memberikan maklumat kepada wakil berita mengenai dasar dan peristiwa masa depan dalam masa terdekat sebelum stesen gelombang pendek Kuala Lumpur berfungsi sepenuhnya, akaun sidang media mingguan akan ditelefon kepada Jabatan Publisiti dan percetakan untuk menyiarkan berita dari stesen Singapura pada setiap malam Sabtu dan akan dipantau oleh Senior Civil Affairs Officer (S.C.A.O).⁶³

Terdapat dua stesen radio besar British yang setiap satunya terletak di Singapura dan Kuala Lumpur. Stesen siaran di Singapura juga mempunyai dua liputan yang meliputi semenanjung Tanah Melayu dan liputan dari luar dan boleh didengar sehingga ke London.⁶⁴ Dalam meningkatkan siaran radio, British juga telah memasang pemancar radio di Kuala Lumpur supaya membolehkan siaran program radio di Kuala Lumpur diambil alih oleh Singapura untuk disiarkan di seluruh Tanah Melayu. Kedudukan Singapura yang strategik membolehkan pemancar disebarkan ke seluruh Tanah Melayu. Ceramah khas yang disiarkan di Stesen Penyiaran Kuala Lumpur juga dirakam kembali untuk disiarkan semula di Stesen Singapura.⁶⁵ Bagi stesen radio di Melaka dan Seremban pula siaran radio mempunyai julat atau jarak yang terhad.⁶⁶

Unit penyiaran radio BMA di Tanah Melayu menggunakan rangkaian berbeza mengikut bahasa yang digunakan. Bagi program radio dalam bahasa-bahasa Melayu dan Inggeris menggunakan Rangkaian Biru (*Blue Network*)⁶⁷ manakala Rangkaian Merah (*Red Network*) digunakan bagi program radio dalam bahasa-bahasa Cina dan India.⁶⁸ Ibu pejabat Cawangan Perisikan Corps (*Intelligence Branch Corps*) pula mempunyai unit perisikan untuk diserahkan kepada unit penyiaran. Unit ini juga menguruskan program yang dioperasikan di Stesen Radio Kuala Lumpur. Bahagian teknikal pula dioperasikan oleh Perhubungan Awam Telekomunikasi di bawah Kapten Gee.⁶⁹ Penyampaian program-program yang menceritakan mengenai peristiwa dunia digambarkan dalam bentuk dramatik supaya dapat menyentuh hati pendengar radio.⁷⁰

Sebuah stesen penyiaran di Kuala Lumpur telah membuat satu siaran radio oleh *General*

O.L. Roberts C.B.E, D.S.O, *General Officer Commanding* 34 Corps British pada 14 September 1945. Penyiaran radio ini menceritakan mengenai Jeneral Jepun bernama Teizo Ishiguro yang menyerah diri tanpa syarat di Tanah Melayu. Ia juga menceritakan mengenai propaganda ketenteraan British yang dikatakan bersedia untuk menyerang Jepun dan ingin melindungi penduduk tempatan di Tanah Melayu. Ia juga menyatakan bahawa British sanggup melakukan apa sahaja untuk membawa kemakmuran kepada penduduk Tanah Melayu daripada penderitaan Jepun.⁷¹ Siaran radio ini dapat dilihat sebagai alat propaganda kerana semasa tamat Perang Dunia Kedua, British telah menghabiskan banyak dana peperangan terutamanya dalam menentang Kuasa Paksi. Terdapat juga siaran radio Cina mengenai ceramah propaganda secara langsung oleh Encik Lim Khing Lien yang bercakap mengenai “*The Making of a good Citizen*” atau cara menjadi warganegara yang baik. Dalam ceramah tersebut, orang Cina diseru untuk berbelanja secara berjimat-jimat semasa perayaan tahun baru.⁷² Pada bulan Januari 1946, British telah membuat program penyiaran yang berjudul “*World Affairs*”. Ceramah program ini menerangkan mengenai latar belakang politik yang bersidang di London.⁷³

Selain daripada radio dan penyiaran, BMA turut melaksanakan propaganda dan pembedaan maklumat melalui pengumuman atau pengucapan awam. Di Perak, satu pengumuman awam telah dilaksanakan. Antara isu yang disampaikan melalui pengumuman awam ini termasuklah isu bekalan beras misalnya British membantu mengedarkan beras kepada orang ramai sambil mengkritik tindakan Jepun sebelum ini yang tidak menguruskan isu beras dengan baik sehingga berlakunya kecurian beras oleh orang awam. BMA turut menyampaikan pengumuman mengenai mata wang iaitu mata wang *Dolar Malaya British* yang sah digunakan dalam pertukaran nilai bagi menggantikan mata wang Jepun yang tidak lagi bernilai termasuklah mata wang Jepun yang dicop dengan “*Civil Administration*”. Orang ramai juga diberi amaran untuk tidak menerima mata wang tersebut. Selain itu, isu mengenai pembukaan semula bank seperti *Oversea Chinese Bank* bagi memberikan bantuan pendahuluan kepada para peniaga untuk memulakan semula perniagaan.

BMA turut mengkritik Jepun terhadap isu air kerana Jepun telah mengabaikan kerosakan paip air seperti di negeri Perak. Orang ramai juga diminta untuk menjimatkan air dan melaporkan kebocoran atau kerosakan paip air bagi mengelakkan bekalan air terputus. Isu tenaga kerja juga turut disampaikan di mana British menawarkan peluang pekerjaan kepada penganggur melalui pendaftaran di Pejabat Tenaga Buruh Ipoh atau pejabat daerah terdekat. pasukan sukarelawan tentera termasuk rejim Melayu diseru untuk melaporkan diri di Pejabat Bangunan Lama. BMA turut menyampaikan pengumuman mengenai pembukaan semula telegram untuk kegunaan orang ramai. Akhirnya, bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman awam, BMA telah memberi amaran supaya masyarakat tidak menentang BMA, mengganggu perkhidmatan awam seperti bekalan air, elektrik dan pemasangan lain, memusnahkan komunikasi secara sengaja dan memberikan cadangan palsu di bawah BMA. Keingkaran terhadap undang-undang tersebut boleh dikenakan hukuman yang berat.⁷⁴

Selain itu, terdapat juga mesej peribadi yang diumumkan oleh Setiausaha Negara kepada orang ramai, antaranya mesej mengenai berasa lega terhadap pelantikannya sebagai Setiausaha Negara yang pertama selepas pendudukan Jepun dan berasa bersyukur terhadap penyerahan Jepun bagi menamatkan tahun-tahun keganasan dan kemusnahan. Dalam mesej itu juga, Setiausaha Negara menyeru masyarakat untuk bekerjasama membina semula perpaduan dan tenaga untuk pentadbiran semula British.⁷⁵ Terdapat juga perutusan awam daripada *Supreme Allied Command* (SAC) kepada orang Melayu yang disebarkan semasa Hari Raya Puasa pada 7 September 1945 mengenai ucapan selamat menyambut bulan Ramadan kepada orang Melayu dan berasa gembira terhadap penggulingan Jepun. Ucapan itu juga menggalakkan orang Melayu untuk berterima kasih atas pembebasan daripada musuh dan menyeru mereka bersama-sama membangunkan Tanah Melayu dengan lebih baik pada masa akan datang.⁷⁶

Propaganda Melalui Filem

Filem merupakan satu bentuk medium penceritaan yang menggabungkan elemen gambar, suara dan muzik. Filem juga merupakan hiburan yang dapat menarik minat masyarakat untuk menonton cerita. Penyebaran propaganda melalui filem lebih ketara selepas Jepun menyerah diri. Hal ini disebabkan pada tahun 1943, Jepun telah melarang tayangan filem *Anglo-American* dan hanya membenarkan pengedaran filem Jepun, Jerman, Itali, Perancis, Cina dan Melayu ditayangkan di Tanah Melayu melalui tapisan daripada sistem “Neinsha”.⁷⁷ Ia menyukarkan British untuk mengedarkan filem ke Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun. Penyebaran propaganda melalui filem kebanyakan lebih tertumpu di kawasan bandar kerana terdapat banyak panggung wayang namun terdapat juga penayangan filem di kawasan kampung menggunakan projektor filem yang dibawa semasa lawatan van.

Selepas perang, pengedaran filem berada di bawah kawalan *Film Combine* di Singapura. Ia juga dikawal oleh ibu pejabat Jabatan Publisiti dan Percetakan. Pada peringkat awal, kebanyakan filem yang ditayangkan di pawagam kurang menceritakan mengenai usaha British dalam peperangan terutamanya semasa zaman pendudukan Jepun. Filem mengenai Perang Dunia Kedua juga mendapat permintaan yang tinggi daripada orang ramai. Ia menyebabkan British memerlukan dokumentari dan gulungan filem untuk menerbitkan filem berkaitan peperangan. Kebanyakan filem juga ditayangkan di kawasan bandar besar walaupun ada permintaan di bandar-bandar kecil. Bagi pekan kecil pula kebanyakan daripada mereka tidak berminat untuk menonton filem walaupun mempunyai peralatan projektor. Keperluan utama agenda perfileman pasca perang adalah untuk menunjukkan usaha British sepanjang tempoh tiga tahun setengah pendudukan Jepun. Pelbagai projektor juga telah dipasang di seluruh *Region* (wilayah).⁷⁸

Pengedar filem kepada penonton Eropah diuruskan oleh jawatankuasa khas manakala pengedar filem bahasa oriental diedarkan oleh pengedar bebas di luar gabungan BMA. Bagi filem baharu yang diimport selepas 5 September 1945 akan diedarkan di pawagam yang diiktiraf sebagai tayangan pertama terutamanya kepada filem yang diterbitkan sebelum 15 Februari 1942.⁷⁹ Jabatan pencetakan dan Publisiti juga perlu mendapatkan stok filem yang biasa ditonton oleh penonton Eropah untuk diserahkan kepada jawatankuasa pengedar. Jabatan ini juga perlu mendapatkan premis untuk dijadikan sebagai ibu pejabat *Film Combine* sepanjang tempoh pentadbiran BMA.⁸⁰ Jabatan Publisiti dan Percetakan juga bertanggungjawab untuk membuat anggaran terhadap keperluan projektor filem untuk tujuan propaganda kerana projektor filem turut digunakan untuk tujuan lain dalam sektor pendidikan dan latihan.⁸¹

BMA di bawah arahan Pihak Berkuasa Tertinggi Bersekutu Asia Tenggara (S.A.C.S.E.A.) telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk membuka panggung wayang secara komersial. Pembukaan pawagam ini bagi meningkatkan lagi semangat awam dan tayangan filem British dan Amerika dikatakan menjadi lambang kebebasan dan berakhirnya sekatan daripada Jepun. Filem yang bukan berasal daripada Asia telah disenaraikan dalam *Common Pool*. Filem-filem yang telah disimpan oleh Jepun ini telah diletakkan dalam peti besi di Singapura. Kesemua filem yang diterbitkan di luar negara perlu diserahkan kepada *Film Combine* untuk ditapis semula dan tidak dibenarkan ditayangkan tanpa kebenaran. Syarikat yang mengedarkan filem daripada *Common Pool* juga digantung sementara dan tidak mendapat hak tuntutan terhadap filem tersebut. Walaubagaimanapun filem import baharu dibenarkan ditayangkan secepat mungkin. Terdapat sesetengah filem yang bertemakan peperangan seperti “*In Which We Serve*”⁸² dibenarkan dikeluarkan terus tanpa perlu melalui *Film Combine*. Keadaan khas juga membenarkan pengeluaran filem terus kepada S.C.A.O. *Film Combine* juga tidak menguruskan filem daripada Asia sebaiknya hanya diedarkan kepada saluran biasa dan senarai filem diberikan kepada S.C.A.O. S.C.A.O juga perlu melaporkan kepada Jabatan Publisiti dan Percetakan menerusi D.C.C.A.O mengenai bilangan pawagam, bantuan pawagam baharu dan tajuk bergambar

bagi mengelakkan kes cetak rompak.⁸³ Filem yang menunjukkan aktiviti perjuangan British telah ditayangkan di beberapa negeri-negeri antaranya seperti Perak misalnya. Ia membolehkan filem dapat memberikan manfaat kepada British untuk menyebarkan propaganda selepas Jepun mengundurkan diri.⁸⁴



Gambar 1: Poster Filem In Which We Serve.

Sumber: IMDb, <https://www.imdb.com/title/tt0034891/>.

Selain daripada filem *"In Which We Serve"* terdapat juga beberapa filem yang ditapis dan diedaran pada sekitar Disember 1945 seperti filem *"True Glory"*, *"Burma Victory"*, *"Johnny Ghurka"*, *"Dagger Div."*, *"Flemish Farm and Demi-Paradise"*, *"The War Ahead"*, dan *"We Dive at Dawn"*. Kebanyakan filem yang diimport ke Tanah Melayu merupakan filem dari Britain, India, Australia dan Amerika. Antara filem yang diterbitkan di Amerika yang mempunyai kualiti yang tinggi seperti *"God is my Co-Pilot"* yang berkaitan dengan *"Chennault's flying tiger"* dan *"Gung Ho"*. Filem ini mempunyai gambaran yang realistik berbanding filem lain dan ditayangkan di kelas pertama. Bagi rancangan filem khas, pada 1 Disember 1945, British telah menayangkan tiga filem dokumentari yang bertajuk *"Eve of Battle"*, *"The Harbour Went to France"*, dan *"Left of The Line"*. Pertunjukan khas juga ditayangkan di sekolah pada waktu petang dan mendapat sambutan yang meriah daripada kanak-kanak sekolah.⁸⁵ Di Kuala Lumpur pula, beberapa filem ditayangkan di Teater dan Pawagam seperti *"Having a Wonderful Time"* di Teater Pavillian, *"Dr. Cyclops"* di Teater Cathay, *"Honeymoon for Three"* di Pawagam Capitol, *"Before I Hang"* dan *"Great Plane Robbery"* di Sun Talkies, *"Tugboat Annie Sails Again"* di Teater Madras, *"Old Bill & Son"* di Pawagam Odeon, *"Old Barn Dance"* di Pawagam Coliseum dan *"Tugboat Annie Sails Again"* di Pawagam Regal, Sentul.⁸⁶ Kesemua filem tersebut mengandungi unsur propaganda bagi memaparkan perkara yang dilakukan oleh British semasa pendudukan Jepun. Menerusi seni dan hiburan, filem merupakan medium efektif yang dapat menanamkan kehendak dan keinginan propaganda British menentang Jepun tanpa disedari khalayak yang menontonnya. Menyedari potensi tersebut, medium filem telah diperkemas mekanisme pengurusan tayangannya menerusi penubuhan Malayan Film Unit (MFU) pada tahun 1946.⁸⁷

Kesimpulan

Terdapat pelbagai bentuk propaganda yang disebarkan oleh British semasa Perang Dunia Kedua. propaganda British melalui audiovisual yang terdiri daripada radio, penyiaran, filem dan pengumuman awam menggunakan teknologi terkini bagi menyampaikan maklumat dengan lebih pantas menerusi stesen-stesen radio tempatan atau stesen radio British. Gelombang radio semasa era ini juga berkembang dan mampu meliputi sehingga di seluruh Tanah Melayu. propaganda menerusi tayangan filem pula dapat memberi impak jangka panjang kepada sasaran khalayak kerana dapat menyemai semangat perjuangan British yang dilihat membawa kebebasan kepada rakyat Tanah Melayu. propaganda melalui bahan percetakan seperti akhbar, risalah, poster, gambar dan mata wang masih dilaksanakan oleh British walaupun teknologi seperti radio berkembang. Hal ini disebabkan wujudnya keterbatasan terhadap bahan media yang hanya mampu dimiliki oleh golongan pertengahan dan atasan. Surat khabar mudah didapati dan mampu dibeli oleh seluruh golongan masyarakat kerana harganya yang lebih murah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan bentuk-bentuk propaganda oleh British dalam usaha mereka menentang Jepun turut sama memperlihatkan kelebihan serta kekurangan masing-masing. Justeru itu, ia juga turut membawa natijah dan implikasi yang pelbagai sifatnya, baik kepada pihak British, Jepun mahupun masyarakat tempatan yang turut merangkumi aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial. Meskipun perincian mengenainya agak terbatas, namun perlu juga dinyatakan bahawa kejayaan British menangani propaganda menentang Jepun hanyalah suatu kejayaan yang bersifat jangka pendek sahaja. Ini dapat diperlihatkan oleh keyakinan masyarakat tempatan dalam menyuarakan hasrat mereka untuk merdeka menerusi parti-parti politik yang ditubuhkan kemudiannya.

Nota

¹ Abu Talib Ahmad, "Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara," Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007, hlm. 32-34.

² MD Azman Bin Abdullah, "Pendudukan dan pentadbiran Jepun di Melaka," Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 113-123.

³ Mohamad Isa Othman, "Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945," Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 20.

⁴ Wan Hashim Wan Teh, "Peranan orang Melayu dalam Gerakan Anti-Jepun," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 24, 1996, hlm. 103-106.

⁵ Muhammad Aslah Akmal Azmi, Mohd Samsudin, "Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama (1914-1916), *Jurnal Komunikasi Malaysia*," 34, No 4, 2018, hlm. 19-20.

⁶ Mohd Safar Hasim, "Akhbar dan kuasa Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806," Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 169-189.

⁷ Syed Arabi Idid, "Aktiviti Propaganda Jabatan Penerangan dan Seranta Menjelang Perang Dunia Kedua," Seminar Penyelidikan Komunikasi Ke-3, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 1-3.

⁸ BMBC merupakan satu siaran radio yang terbesar di Singapura. Radio yang ditubuhkan pada 12 April 1935 dan mula beroperasi pada Januari 1937. Siaran radio ini menerima gelombang sederhana membolehkan capaian penyiaran ke seluruh Tanah Melayu. Semasa Perang Dunia Kedua. Radio ini menjadi jurucakap penting untuk menyampaikan maklumat dan propaganda kerajaan. BMBC kemudian telah di organisasi semula menjadi Malaya Broadcasting Corporation dan menyediakan berita dalam pelbagai bahasa seperti Melayu, Inggeris, Cina, Tamil dan Hindustan. Pada 15 Februari 1942, tiang radio dan pemancar telah dimusnahkan oleh British untuk mengelakkan radio ini sampai ke tangan Jepun. Sumber: National Library Singapore.

⁹ Ibid, hlm. 6-9.

- ¹⁰ Ibid, hlm. 10-14.
- ¹¹ Ibid, hlm. 15-16.
- ¹² Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan berkala No.1 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 2 Oktober 1945, hlm. 1-2.
- ¹³ Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan Bulan Disember 1945 oleh Jabatan Publisiti dan pencetakan kepada ketua setiausaha, 16 Januari 1946, hlm. 2.
- ¹⁴ Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan Januari 1946 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 11.
- ¹⁵ Malaya Tribune, "*War Propaganda in Malaya*," 1 Ogos 1940, hlm. 6.
- ¹⁶ C.O 273 gul 669, Straits, "*The Civil Defence of Malaya Part I and II Duplicate and Triplicate Copies Part II Added 6/8/43*," Pertahanan Awam Bahagian II, Tindakan, Propaganda Kerajaan, 1943, p. 85-86.
- ¹⁷ Tan You Tek, "Perkembangan Akhbar di Tanah Melayu Semasa Pendudukan Jepun (1942-1945): Tinjauan khusus Terhadap Akhbar Bahasa Inggeris di Pulau Pinang," (Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM), 1992, hlm. 25-27.
- ¹⁸ Shonan Shimbun, "*False British Propaganda in Malaya*, 14 Mac 1942, hlm. 3.
- ¹⁹ Tan You Tek, "Perkembangan Akhbar di Tanah Melayu Semasa Pendudukan Jepun (1942-1945): Tinjauan khusus Terhadap Akhbar Bahasa Inggeris di Pulau Pinang," 1992, hlm. 42-45.
- ²⁰ Public Relation, "*Propaganda Condition of B.M.A. News*," Surat Lt. Col. G.G. Thomson, pegawai perhubungan awam, Singapura kepada M.C.f Sheppard, pejabat Perhubungan Awam, Kuala Lumpur, No 621, 3 April 1946.
- ²¹ Secretariat General, "*Propaganda: BMA Propaganda Letters*," Perkara yang mungkin dimasukkan di dalam surat berita, 1945, hlm. 1-3.
- ²² Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan Januari 1946 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 2.
- ²³ Secretariat General, "*Propaganda: Information About Malaya*," The Malay Mail, King's Message To The People of Malaya, 6 September 1945.
- ²⁴ P.R, "*Propaganda War Crimes*," Surat daripada 12 W.C.I.T kepada Bahagian Jenayah Perang, ALFSEA, Singapura, 29 November 1946.
- ²⁵ P.R, "*Propaganda War Crimes*," Kenyataan Akhbar Kuala Lumpur mengenai kekejaman kereta api Kra, insiden tambahan untuk pengesahan oleh Jabatan hubungan Awam, Kuala Lumpur, 30 Disember 1946.
- ²⁶ Secretariat General, "*Propaganda BMA News*," Surat Ibu pejabat Region 3, Perak kepada Ketua setiausaha BMA, 29 November 1945.
- ²⁷ Secretariat General, "*Propaganda: BMA Propaganda Letters*," Surat pembantu pengarah Jabatan Publisiti dan Pencetakan, J, N McHugh kepada DCCAO, BMA, 31 Disember 1945.
- ²⁸ Secretariat General, "*Propaganda: BMA Propaganda Letters*," Surat pembantu pengarah Jabatan Publisiti dan Pencetakan, J, N McHugh kepada Ketua Setiausaha, 12 Februari 1946.
- ²⁹ Secretariat General, "*Propaganda: BMA Propaganda Letters*," Surat S.C.A.O kepada Jabatan Publisiti dan pencetakan, Kuala Lumpur, 12 Februari 1946.
- ³⁰ Secretariat General, "*Propaganda: Information About Malaya*," Borang isyarat (Signal Form) daripada Ibu Pejabat S.A.C.S.E.A kepada Milcypher Calcutta, 1945.
- ³¹ Secretariat General, Propaganda Increased Propaganda, Penghargaan situasi publisiti di semenanjung Tanah Melayu oleh Major G.S.Walker, Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA, 16 November 1945, hlm. 2-6.
- ³² Risalah "Amaran" SMA/17, National Library of Singapore: Koleksi Peribadi Benjamin Seet, Februari 1945.
- ³³ Risalah "Selamat Sejetera Kawan, Tipa bangsa di negeri Melayu!" SMA/15, National Library of Singapore: Koleksi peribadi Benjamin Seet, Februari 1945.
- ³⁴ Captain C S Morrison, "*Voice of Malaya propaganda Leaflet datu*," South East Asia Command-Malaya-E Group South, 10 April 1945.
- ³⁵ Risalah "Budak2 (sic) negeri Burma Bersukaria Semula," SMA/37, National Library of Singapore: Koleksi Peribadi Benjamin Seet, Mei 1945.
- ³⁶ Captain C S Morrison, "*The Free Press Propaganda Leaflet*," (South East Asia Command-Malaya-E Group South), 25 August 1945.

- ³⁷ Captain JL Chapman, “*The Ten Rules Enacted Temporarily to Keep Local Peace and Order*,” (South East Asia Command-Malaya-Force 136-Operation Pontoon)- leaflet, September 1945.
- ³⁸ Operasi Pontoon merupakan operasi pasukan khas British dioperasikan oleh empat orang Special Operation Executive’s (SOE) Force 136 untuk membantu pasukan penentangan tempatan di kawasan Pulau Pinang, Malaya yang diduduki oleh Jepun pada 13 Februari 1945 sehingga 30 November 1945.
- ³⁹ Secretariat General, “*P&P Periodical Reports*,” Laporan Bulan Oktober 1945 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 1.
- ⁴⁰ Risalah “Wang Jepun akan Mati bersama-sama Jepun” SMA/39, National Library of Singapore: Koleksi Peribadi Benjamin Seet, 1945.
- ⁴¹ Wang Jepun (Wang Propaganda), Jabatan Muzium Negara.
- ⁴² M.G Division General, “*Intelligence Force 136-Payment of Forces*,” Surat Ibu pejabat C.A.S Malaya, dan ibu pejabat ALFSEA kepada H.P.D, 14 Ogos 1945.
- ⁴³ Secretariat General, “*P&P Periodical Reports*,” Laporan Bulan Oktober 1945 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 1.
- ⁴⁴ M.G. Divison General, “*Intelligence: Force 136-Payment of Forces*,” Surat C.A.S (M) kepada H.P.D, 4 Ogos 1945.
- ⁴⁵ M.G Division General, “*Intelligence Force 136-Payment of Forces*,” Surat Ibu Pejabat Force 136 kepada Ketua Bahagian “P”, 29 Julai 1945.
- ⁴⁶ T Loganathan A/L S.Tarmalingam, “Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945): Keadaan Ekonomi dan Sistem Kewangan,” Thesis Ijazah Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 101-105.
- ⁴⁷ P.R., “*Propaganda: Grow More Food Campaign*,” Surat oleh F. Burnett, pengarah pertanian, Malaya kepada setiausaha kewangan, Kuala Lumpur, 16 April 1946.
- ⁴⁸ Secretariat General, “*Propaganda: BMA Propaganda Letters*,” Surat ketua setiausaha kolonial kepada pembantu pengarah Publisiti dan Pencetakan di Ibu Pejabat BMA, 22 Disember 1945.
- ⁴⁹ Tragedi Kuala Pilah yang menceritakan mengenai pembunuh beramai-ramai orang Cina di Kuala Pilah semasa pentadbiran Jepun. Terdapat juga risalah yang ditulis dalam tulisan jawi, British mendakwa Jepun sengaja mencipta permusuhan dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu untuk kepentingan mereka sendiri. British juga mendakwa Jepun takut terhadap penyatuan orang Melayu, Cina dan India dengan menghalau British dari Tanah Melayu untuk membebaskan orang Melayu dan Jepun membantu orang Melayu membunuh orang Cina untuk mendapatkan semula hak. Risalah ini juga menekankan kepentingan untuk kerjasama antara kaum: Secretariat General, *Propaganda: BMA Propaganda Letters*, 1945: Risalah Tragedi Kuala Pilah.
- ⁵⁰ Secretariat General, “*P&P Periodical Reports*,” Laporan Bulan Disember 1945 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 1-2.
- ⁵¹ Secretariat General, “*P&P Periodical Reports*,” Laporan Januari 1946 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1946, hlm. 4-5.
- ⁵² Lord Louis Mountbatten merupakan Komando Tentera Bersekutu (Allied Force) di Tanah Melayu di bawah SACSEA.
- ⁵³ Secretariat General, “*P&P Periodical Reports*,” Laporan Januari 1946 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1946, hlm. 6.
- ⁵⁴ Ibid.
- ⁵⁵ Peter De Mendelssohn, “*Japan’s Political Warfare Internasional Propaganda and Communications*,” Arno Press, A New York Company, New York, 1972, hlm. 35-37.
- ⁵⁶ Secretariat General, *Propaganda Supply of Radio Reicensers*, “Penerimaan Siaran Radio oleh Ketua Pegawai Isyarat,” 34 Corps Ind, 1945, p. 1.
- ⁵⁷ Secretariat General, *Propaganda Increased Propaganda*, “Penghargaan situasi publisiti di semenanjung Tanah Melayu pada 16 November 1945 oleh Major G.S.Walker,” Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA, 1945, p. 1.
- ⁵⁸ Shonan Times (Syonan Shimbun), “*Propaganda A Valuable Aid To Reconstruction*,” 5 September 1942, p. 2.
- ⁵⁹ External Affairs Department, “*Japan-Japanese Activities in Occupied Territories-Malaya (Shonar)*,” 1942, Laporan siaran gelombang pendek.

- ⁶⁰ Secretariat General, "*Propaganda: Operation of Broadcasting & Receiving Stations*," 1945: Memorandum rasmi daripada Pejabat Hal Ehwal Awam Kanan, Selangor kepada Ketua Setiausaha Negara pada 19 September 1945, p. 1-2.
- ⁶¹ Secretariat General, "*Propaganda: Operation of Broadcasting & Receiving Stations*," Penyiaran, Minit mesyuarat penyerahan di pejabat G.S.I Ibu Pejabat 34 India Corps, 6 Oktober 1945.
- ⁶² Secretariat General, "*Propaganda Supply of Radio Receners*," Penerimaan Siaran Radio oleh Ketua Pegawai Isyarat, 34 Corps Ind, 1945, hlm. 2-3.
- ⁶³ Secretariat General, "*Propaganda Operation of Broadcasting & Receiving Stations*," Stesen Penyiaran Kuala Lumpur dan Publisiti dan propaganda, 1945, hlm. 2.
- ⁶⁴ Secretariat General. "*Propaganda Increased Propaganda*," Ekstrak dari minit mesyuarat S.A.C yang ke 282, 12 September 1945.
- ⁶⁵ Secretariat General, "*Propaganda Operation of Broadcasting & Receiving Stations*," Mesyuarat Penyiaran oleh pejabat D.C.C.A.O, 26 September 1945, hlm. 2.
- ⁶⁶ Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," 1945: Laporan berkala No.1 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 2 Oktober 1945, hlm. 1.
- ⁶⁷ *Blue Network* merupakan rangkaian radio Amerika yang beroperasi pada tahun 1927 sehingga 1945. Rangkaian ini merupakan salah satu daripada dua rangkaian daripada *National Broadcasting Company* (NBC) yang bermula pada tahun 1942 sebagai syarikat berasingan. Nama rangkaian ini telah ditukar kepada *American Broadcasting Company* (ABC) pada tahun 1945.
- ⁶⁸ M.G. Division General, "*Propaganda Radio Programmes Malaya*," B.M.A (M) Broadcasting Units, 1946.
- ⁶⁹ Secretariat General, "*Propaganda Operation of Broadcasting & Receiving Stations*," Memorandum rasmi dari pegawai kanan Hal Ehwal awam Selangor kepada ketua Setiausaha, Kuala Lumpur, 19 September 1945, hlm.. 1.
- ⁷⁰ Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan Bulan Disember 1945 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 5.
- ⁷¹ Siaran dari Stesen Radio Kuala Lumpur oleh L.T-General O.L Roberts, C.B.E., D.S.O., General Officer Commanding 34 Ind. Corps, 14 September 1945.
- ⁷² Secretariat General, "*P&P Periodical Reports*," Laporan Januari 1946 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 3.
- ⁷³ Secretariat General, 1945, hlm. 7.
- ⁷⁴ Secretariat General, "*Propaganda Operation of broadcasting & Receiving Stations*," Pengumuman alamat awam untuk kawasan perak, 1945.
- ⁷⁵ Secretariat General, "*Propaganda: Information About Malaya*," Borang isyarat daripada Ibu Pejabat S.A.C.S.E.A., London GP k93 kepada Copir Kandy, 1945.
- ⁷⁶ Secretariat General, "*Propaganda: Information About Malaya*," Draft Mesej daripada SAC kepada Orang Melayu bersempena Hari Raya Puasa, Tamat Bulan Berpuasa Mohammedan, 7 September 1945.
- ⁷⁷ C.O 273/669, "*War With Japan Condition in Enemy Occupied Malayan Territory*," Laporan Perisikan Publisiti, Malaya & Sumantra, Far Eastern Bureau, Kementerian Penerangan British, New Delhi, 23 September 1943.
- ⁷⁸ Secretariat General, "*Propaganda Increased Propaganda*," Penghargaan situasi publisiti di Semenanjung Tanah Melayu oleh Major G.S.Walker, Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA, 16 November 1945, hlm. 2-6.
- ⁷⁹ Filem British semasa pendudukan Jepun tidak dibenarkan masuk menyebabkan filem dari tahun 1942 hingga 1945 hanya dibawa masuk selepas pendudukan Jepun berakhir.
- ⁸⁰ M.G Division General, "*Propaganda Distribution of Films*," Minit Mesyuarat yang diadakan di Pejabat Publisiti dan Pencetakan di Bangunan Cothay, 20 September 1945, hlm. 1-2.
- ⁸¹ Secretariat General, "*Propaganda Cinema Equipment*," Surat Ketua Setiausaha Koloni kepada Pengarah Pendidikan Ibu Pejabat B.M.A, Kuala Lumpur, 8 Februari 1946.
- ⁸² Filem "*In which We Serve*" merupakan sebuah filem ketenteraan British yang diterbitkan pada 17 September 1942 di Britain. Pengarah filem ini ialah Noel Coward dan David Lean. Filem ini menceritakan mengenai anak-anak kapal British yang teringat keluarga dan orang tersayang mereka di dalam sebuah kapal yang terkandas semasa perang. Filem ini bertemakan thriller, ketenteraan, drama dan patriotik.

⁸³ M.G Division General, “*Propaganda Distribution of Films*,” Draf pekeliling kepada bahagian semenanjung C.A.O oleh J.S. Dumeresque, S.C.A.O, Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA, 5 Oktober 1945.

⁸⁴ M.G Division General, “*Propaganda Distribution of Films*,” Telegram daripada S.C.A.O region 3 kepada Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA, 29 Oktober 1945.

⁸⁵ Secretariat General, *P&P Periodical Reports*, Laporan Bulan Disember 1945 oleh Jabatan Publisiti dan Pencetakan, 1945, hlm. 8.

⁸⁶ Sel.C.A, “(1) *Propaganda* (2) *Tour of Loud Speaker Vans in Selangor* (3) *Cinema Films*,” Memorandum Rasmi Pejabat SCAO, Kuala Lumpur kepada Region 4 Selangor”, 1945, hlm. 1.

⁸⁷ Chellitda Farhana Gunaish et al., *Propaganda dan Perang Saraf British di Tanah Melayu melalui Malayan Film Unit (MFU) 1946-1957*, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 21, 2022, hlm. 96.

Rujukan

Abu Talib Ahmad. 2007. *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah & Wan Hasmah Wan Teh. 2022. *Propaganda dan Perang Saraf British di Tanah Melayu melalui Malayan Film Unit (MFU) 1946-1957*, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 21: 96.
<https://doi.org/10.21315/ws2022.21.8>

Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence, C.O. 273/669. 1943. Report for year 1943.

Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence, C.O. 273/669. 1944. Report for year 1944.

External Affairs Department. 1942. *Japan-Japanese Activities in Occupied Territories-Malaya (Shonar)*.

IMDb. Noel Coward's. *Film: In Which We Serve*. Accessed 17 September 2025.
<https://www.imdb.com/title/tt0034891/>

M.G Division General. 29 Julai 1945. *Intelligence Force 136-Payment of Forces*. Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA.

M.G Division General. 4 Ogos 1945. *Intelligence Force 136-Payment of Forces*. Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA.

M.G Division General. 20 September 1945. *Propaganda Distribution of Films*. Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA.

M.G Division General. 29 Oktober 1945. *Propaganda Distribution of Films*. Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA.

M.G Division General. 5 Oktober 1945. *Propaganda Distribution of Films*. Jabatan Publisiti dan Pencetakan, BMA.

M.G. Division General. 1946. *Propaganda Radio Programmes Malaya*. B.M.A (M) Broadcasting Units.

Malaya Tribune. 1 Ogos 1940. *War Propaganda in Malaya*.

MD Azman Bin Abdullah. 2002. *Pendudukan dan pentadbiran Jepun di Melaka*. (Tesis Sarjana, Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Mendelssohn, P.D. 1972. *Japan's Political Warfare Internasional Propaganda and Communications*. New York: Arno Press, A New York Company.

Mohamad Isa Othman. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2018. “Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama (1914-1916),” *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34 no. 4: 19-20.

<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/19157>

- Kratoska, P.H 1998. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*. Australia: Allen & Unwin 9 Atchison Streets St Leonards.
- Public Relation. 16 April 1946. *Propaganda: Grow More Food Campaign*. Kuala Lumpur.
- Public Relation. 1946. *Propaganda Condition of B.M.A. News*. No.621. Kuala Lumpur.
- Public Relation. 30 Disember 1946. *Propaganda War Crimes*. Kuala Lumpur.
- Risalah SMA/15. Februari 1945. “*Selamat Sejetera Kawan, Tiba bangsa di negeri Melayu!*”. National Library of Singapore: Koleksi peribadi Benjamin Seet.
- Risalah SMA/17. Februari 1945. “*Amaran*”. National Library of Singapore: Koleksi Peribadi Benjamin Seet.
- Risalah SMA/39. 1945. “*Wang Jepun akan Mati bersama-sama Jepun*”. National Library of Singapore: Koleksi Peribadi Benjamin Seet.
- Secretariat General. 1945. Report for year 1945.
- Secretariat General. 1946. Report for year 1946.
- Sel.C.A. 10 Oktober 1945. (1) *Propaganda* (2) *Tour of Loud Speaker Vans in Selangor* (3) *Cinema Films*. Selangor: Jabatan Publisiti dan Pencetakkan.
- Sel.C.A. 1945. (1) *Propaganda* (2) *Tour of Loud Speaker Vans in Selangor* (3) *Cinema Films*. Kuala Lumpur: Jabatan Publisiti dan Pencetakkan.
- Sel.C.A. 22 Januari 1946. (1) *Propaganda* (2) *Tour of Loud Speaker Vans in Selangor* (3) *Cinema Films*. Selangor: Jabatan Publisiti dan Pencetakkan.
- Sel.C.A. 29 Januari 1946. (1) *Propaganda* (2) *Tour of Loud Speaker Vans in Selangor* (3) *Cinema Films*. Selangor: Jabatan Publisiti dan Pencetakkan.
- Shonan Times. 5 September 1942. *Propaganda A Valuable Aid To Reconstruction*.
- Siaran dari Stesen Radio Kuala Lumpur oleh L.T-General O.L Roberts. 14 September 1945. C.B.E., D.S.O., General Officer Commanding 34 Ind. Corps.
- Syed Arabi Idid. 1993. *Aktiviti Propaganda Jabatan Penerangan dan Serantau Menjelang Perang Dunia Kedua*. Seminar Penyelidikan Komunikasi Ke-3, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, Y.T. 1992. *Perkembangan Akhbar di Tanah Melayu Semasa Pendudukan Jepun (1942-1945): Tinjauan khusus Terhadap Akhbar Bahasa Inggeris di Pulau Pinang*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah Fakulti Sains kemasyarakatan dan kemanusiaan, UKM).
- Loganathan, T. A/L S. Tarmalingam. 2002. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945): Keadaan Ekonomi dan Sistem Kewangan*, Thesis Ijazah Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan The. 1996. “Peranan orang Melayu dalam Gerakan Anti-Jepun,” *Jurnal Jebat: Universiti Kebangsaan Malaysia* 24: 103-106.